




DR Zaidi (kanan) bersama Naib Canselor UTHM, Profesor Ts Dr Ruzairi Abdul Rahim.



PROF Zaidi selepas tamat pengajian di University of Bristol England bergambar kenangan bersama isterinya Dr Salawati Ahmad dan anak mereka.

PROFIL

PROFESSOR TS DR ZAIDI EMBONG,
49 TAHUN

- Profesor fizik di Fakulti Sains Gunaan dan Teknologi (FAST), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)
- Ahli Senat UTHM
- Penyelidik utama di Pusat Kajian Tanah Lembut (RECESS), UTHM
- Ahli Majlis Professor UTHM

Ketika itu, beliau aktif dalam akademik dan sukan termasuk bermain bola sepak, menyertai acara olahraga selain menjadi ahli Kadet Bersatu Malaysia.

“Saya masih ingat lagi di tingkatan lima ketika menyertai acara larian 4 x 100 meter berpagar, saat berlari kaki saya tiba-tiba rasa kejang, otot tiba-tiba lemah dan pedih, namun saya diam serta abaikan.

“Malah saya hanya sapu minyak angin, masa itu tidak tahu (tanda-tanda penyakit) dan saya tetap aktif melakukan aktiviti termasuk berkawad dan masuk keluar hutan sampailah habis Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

“Apabila tamat tingkatan lima, saya bekerja sambilan di Kuala Lumpur, masa itu abang saya tegur kenapa saya berjalan mengengkang, macam terenjut-enjut, tetapi saya sangkakan mungkin kesan ketika berlari dahulu.

“Selepas itu, saya dapat peluang belajar di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Skudai, Johor pun saya tetap aktif dalam Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) dan arwah bapa pun pernah tanya kerana ketika solat keadaan saya lain macam,” katanya.

Dalam keadaan tidak sedar dan tidak mengendahkan simptom itu, semakin lama,

perlahan-lahan keadaan dirinya menjadi tidak berdaya, hingga tidak mampu berlari malahan kakinya terasa semakin berat untuk melangkah.

“Ketika pengajian ijazah sarjana, tiba-tiba nak main badminton tak boleh, nak berlari-lari anak pun tak boleh, benda ini ‘trigger’ ketika saya di tahun lima, saya ambil keputusan drastik tidak mahu aktif bersukan dan menumpukan sepenuhnya untuk menyiapkan tesis.

“Rupa-rupanya kesan tak aktif sukan menyebabkan penyakit ini semakin ‘trigger’ sama seperti dihadapi arwah Mokhtar Dahari.” katanya.


Bapa idola kejayaan

Dilahirkan sebagai anak bongsu daripada 11 beradik dan kematian ibu sejak berusia 10 tahun menyebabkan anak kelahiran Kampung Ayer Molek, Kuala Sungai Baru, Melaka ini amat rapat dengan arwah bapanya, Embong Mahmood.

Menyifatkan ayahnya sebagai idola dalam hidup di samping Nabi Muhammad SAW, sikap rajin berusaha Profesor Zaidi banyak dipengaruhi sikap bapanya yang sangat bekerja keras dalam hidup.

“Ketika saya muda dulu, saya sentiasa optimis, dan sentiasa mahu mencapai kejayaan demi kejayaan.

“Ini disebabkan latar belakang keluarga saya bukan keluarga yang senang, arwah bapa saya pencen polis, arwah bapa sanggup kayuh basikal dari Melaka ke Kuala Lumpur dari Segamat sampai ke Johor Bahru menjual tikar pandan untuk membesarakan kami 11 beradik.



Di depan Jabatan Fizik, Fakulti Sains, University of Bristol.

“Arwah ayah meninggal dunia pada usia 72 tahun akibat sakit tua, dan ibu, Zainab Md Yassin, meninggal dunia akibat angin ahmar ketika saya berusia 10 tahun,” katanya.

Meskipun pergerakan terbatas, namun tidak sesekali menyebabkan dirinya turut terperangkap dalam pemikiran kurang upaya malah sentiasa berani ke depan dengan melupakan kecacatan yang ada.

“Saya berani tonjolkan diri, saya lupukan kecacatan saya, saya tak fikir apa yang masyarakat fikir, saya ke depan sebab motivasi dalam diri saya sejak kecil.

“Walaupun keadaan saya orang kelainan upaya (OKU), sifat saya, sikap yang normal masih berada dalam diri, semangat juang dan motivasi tak pernah putus sampai sekarang.

“Saya akan cuba sebaik mungkin dan akan berkhidmat lagi 10 tahun, namun apa-apa saya serah kepada takdir tuhan, saya serah pada Allah dan saya reda dengan apa saya dapat, saya anggap apa saya dapat ini kebaikan.

“Allah beri saya kebaikan, kita tahu setiap

satu penyakit itu penghapus dosa dan tujuannya untuk mendekatkan diri kita dengan-Nya dan saya yakin lagi Allah beri kekuatan saya akan teruskan,” katanya.

Walaupun keadaan saya orang kelainan upaya (OKU), sifat saya, sikap yang normal masih berada dalam diri, semangat juang dan motivasi tak pernah putus sampai sekarang

**ZAIIDI
EMBONG**



DR Zaidi berkongsi ilmu dengan warga Universiti Sains Malaysia (USM) mengenai kepakarannya dalam peralatan X-XPS.